


Majlis Buka Puasa bersama anak-anak yatim



Majlis Sambutan Merdeka Raya

Majlis Sambutan Merdeka Raya telah diadakan pada 13 September 2011 bersamaan 15 Syawal 1432H di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Dungun. Lebih daripada 1,000 orang tetamu termasuk penduduk di sekitar Daerah Dungun hadir bagi

memeriahkan Majlis Hari Raya Aidilfitri yang diadakan pada kali ini yang mana bukan sekadar menyambut Hari Raya Aidilfitri malah juga menyambut Hari Kemerdekaan Kali Ke-54. Majlis sambutan ini telah diserikan lagi dengan kehadiran tetamu-tetamu kehormat yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Terengganu, Pegawai-Pegawai Jabatan Kerajaan Daerah Dungun, Yang Berhormat-Yang Berhormat Daerah-Dungun, Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Dungun, Penghulu Daerah-Dungun, Pegawai-Pegawai Bank Daerah-Dungun, Ahli-Ahli Badan NGO Daerah-Dungun serta wakil-wakil

media cetak dan elektronik. Tetamu yang hadir dihidangkan dengan lebih daripada 30 jenis juadah istimewa selain dihiburkan dengan celoteh & persembahan daripada pengacara jemputan serta persembahan daripada artis-artis Majlis Perbandaran Dungun. Majlis ini juga adalah bertujuan mengeratkan lagi hubungan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan masyarakat di Daerah Dungun serta beramah mesra di antara satu sama lain selain menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan.



Cadangan Merekabentuk
**SEBUAH KOMPLEKS MAJLIS
PERBANDARAN DUNGUN YANG
MENGANDUNGI SEBUAH
PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN
4 TINGKAT**

Bagi Kawasan Majlis Perbandaran Dungun
Mukim Kuala Dungun, Daerah Dungun
Terengganu Darul Iman

Tapak cadangan terletak di atas sebahagian lot
10129 iaitu di Mukim Kuala Dungun, Daerah
Dungun, Terengganu Darul Iman. Terletak di
sebelah utara Pusat Bandar Dungun
bersebelahan dengan Jalan Persekutuan 3
dan tidak jauh dari persimpangan Jalan Bukit Besi
(di sebelah selatan). Keluasan 20.14 ekar atau
8.15 hektar.

700 SERTAI KAYUHAN SANTAI BERSAMA MENTERI



Seramai 700 bella dan pelajar dari Daerah Dungun dan Kemaman berbasikal bersama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dalam Program Kayuhan Santai ke daerah ini, baru-baru ini. Selain, Datuk Seri Ahmad Shabery, turut menyertai kayuhan dari Bukit Bauk ke Bandar Dungun itu disertai oleh Ahli Parlimen Dungun, Datuk Matulidi Jusoh, Ketua Umno Bahagian, Datuk Wira Rosli Mat Hasan, Pengarah Majlis Sukan Negeri (MSN) Tn. Hj. Zainal Abidin Husin, Pegawai Daerah Dungun, Dato' Mustopa Abdul Rahman serta beberapa kakitangan Majlis Perbandaran Dungun. Dalam sidang media, Datuk Seri Ahmad Shabery berkata, kerja-kerja menambun tanah tapak pembinaan Veledrom Mini, di Kampung Balai Besar sini, sedang giat dijalankan dan dijangka siap pada April nanti. Katanya, kerja

menambun tanah di kawasan seluas 12 hektar di Kampung Balai Besar itu membabitkan peruntukan sebanyak RM1.38 juta dan kos pembinaan Veledrom Mini terbabit memperuntukkan kos sebanyak RM 3 juta. "Dengan terbinanya Veledrom Mini itu nanti penduduk Dungun dan rakyat Terengganu perlu berbangga kerana memiliki sebuah prasarana sukan berkelas antarabangsa di daerah ini," katanya. Datuk Seri Ahmad Shabery berkata, beliau akan meminta persetujuan Kabinet untuk menamakan Veledrom Mini terbabit sempena nama pelumba basikal pecut negara yang juga merupakan anak jati Dungun, Azizulhasni Awang. "Ini sebagai menghargai jasa Azizulhasni andai atlet idola itu berjaya meraih pingat emas pada Sukan Olimpik Julai nanti", katanya.



Galeri

01. Tetamu yang hadir sempena Majlis Sambutan Merdeka Raya
02. Kakitangan MPD meluangkan masa untuk berkumpul bersama-sama sempena Majlis Sambutan Merdeka Raya
03. YB. Datuk Haji Za'aba bin Dato' Haji Mohd Adib di antara jempuan VIP yang hadir sempena Majlis Sambutan Merdeka Raya
04. Tuan Yang Dipertua menyampaikan cenderahati kepada Penolong Setiausaha sempena pertukaran bôlîau ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu.
05. Kakitangan MPD ceria menyambut hari lahir yang diraikan oleh pegawai-pegawai serta seluruh kakitangan MPD
06. Pegawai-pegawai MPD turut hadir bagi menyerikan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim
07. Pegawai-pegawai dan Ahli Majlis MPD turut hadir bagi menyerikan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim.

